

13/09/2003

Felda akan disenarai di BSKL

FELDA, syarikat perladangan terbesar di dunia akan disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bagi memantapkan pasaran modal dan memberikan faedah kepada peneroka serta pihak lain yang berkaitan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, berikutan itu Felda dijangka muncul antara syarikat mewah (blue chip), selain berpotensi diperkenalkan sebagai jenama antarabangsa.

Beliau berkata, penyenaian bukan saja akan memberikan faedah kepada kerajaan, malah kepada kumpulan Felda, peneroka, koperasi serta kerajaan negeri yang memberikan tanah untuk dibangunkan sebagai ladang.

"Dengan penyenaianannya, Felda dijangka berupaya mendapatkan modal dari pasaran dan tidak perlu lagi bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangan," katanya.

Felda yang ditubuhkan mengikut Akta Kemajuan Tanah 1956 pada 1 Julai 1956 ditadbir sebuah lembaga yang bertanggungjawab kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sehingga kini ia sudah memajukan 665,184 hektar kawasan penanaman kelapa sawit, iaitu kira-kira 20 peratus kepada pengeluaran minyak sawit negara.

Selain itu, peneroka berpeluang untuk memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan sama ada sebagai ahli atau individu.

"Cadangan ini selaras matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor korporat dan diharapkan saham ini tidak dijual oleh Bumiputera," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan memperluaskan peluang pelaburan, khususnya kepada Bumiputera melalui saham amanah dan penubuhan dana amanah saham kedua yang dikenali sebagai Dana Harapan.

Dana itu akan diuruskan pengurus profesional serta berpengalaman dan menggembeng tabungan serta modal Bumiputera.